



26 FEB, 2026

Kolam abu loji TNB di Kapar jadi tapak burung berteduh

Kosmo, Malaysia



Kolam abu loji TNB di Kapar jadi tapak burung berteduh

TENAGA Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Power Generation Sdn. Bhd. membuktikan pembangunan infrastruktur tenaga mampu wujud secara harmoni bersama alam semula jadi.

Ini terbukti apabila kolam abu di Stesen Janakuasa Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar menjadi tapak berteduh

penting bagi burung pantai hijau di sepanjang Pantai Barat Semenanjung, dalam laluan penerbangan Asia Timur-Australasia yang melalui 22 buah negara.

Setiap tahun, dari bulan Ogos hingga April pada tahun berikutnya, jutaan burung migrasi menempuh ribuan kilometer dari kawasan Artik di Rusia dan Alaska, singgah di

Kapar untuk berehat dan mencari makanan sebelum meneruskan perjalanan ke Australia dan New Zealand.

Pemantauan tahunan di bawah Asian Waterbird Census (AWC) oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) merekodkan sebanyak 36,692 burung pantai di Kapar, jumlah tertinggi yang pernah dicatat di Malaysia.

KEDIDI Dian Besar adalah antara spesies burung migrasi berstatus terancam yang direkodkan di kawasan kolam abu Stesen Janakuasa Sultan Salahuddin Abdul Aziz, Kapar.

